

Syarak jaga maslahat manusia sejagat

Islam ajar umatnya elak perkara memudaratkan, pelihara nyawa



PREMIS UNTUK DISEWA DI KAWASAN PUNCAK ALAM



PUNCAK BESTARI

- ✓ 200 meter ke Mr DIY
- ✓ 200 meter ke Pusat Pergajian Bestari
- ✓ 200 meter ke Mamak Signature
- ✓ 200 meter ke Bank Muamalat Puncak Alam
- ✓ 200 meter ke Marrybrown Puncak Alam
- ✓ 200 meter ke Print Expert Puncak Bestari
- ✓ 300 meter ke Tesco Puncak Alam
- ✓ 500 meter ke Pusat Proton Puncak Alam
- ✓ 500 meter ke Masjid Puncak Alam
- ✓ 700 meter ke Taman Tasik Puncak Bestari
- ✓ 1.5 km ke Klinik Desa Puncak Alam
- ✓ 1.8 km ke Sekolah Agama Puncak Alam 2
- ✓ 1.8 km ke Sekolah Kebangsaan Puncak Alam 2

KELUASAN & SEWAAN

No. 18-G/ kedai / 1,320 kps/
RM3,000.00 sebulan

No. 18-1/ pejabat tingkat 1/ 1,440 kps/
RM1,000.00 sebulan

6019 2640631, 6019 2302040
03-55143400 sambungan 2187

INFO: <https://www.mais.gov.my/sewaan/>

SETELAH hampir lima bulan berjuang di bawah Perintah Kawalan Pergerakan bermula pada 18 Mac lalu sehingga kini, pelbagai dugaan dan rintangan terpaksa dilalui. Namun sebagai hamba ALLAH, kita tetap meneruskan ibadah dan melaksanakan segala hukum-hukum yang telah ditetapkan oleh syarak dengan penuh kesabaran dan keinsafan.

Ketahuilah, hukum-hukum syarak bagi kategori *taklifi* ada lima iaitu wajib, sunat, harus, makruh dan haram. Bagi hukum wajib seperti solat fardu lima waktu sehari semalam, kewajipan itu tetap perlu disempurnakan sama ada ketika wabak atau tidak.

Namun, ada ketikanya syarak membenarkan kita mengambil *rukhsah* (keringanan) dalam situasi tertentu demi menjaga kemaslahatan yang lebih utama.

Masakan tidak, Islam mengajar umatnya agar memelihara nyawa dan menjaga diri daripada sebarang penyakit atau apa jua perkara yang boleh memudaratkan. Hinggakan satu peringkat, seorang Muslim diharuskan untuk melafazkan kalimah kufur, sedangkan hatinya tetap dengan keimanannya. Ia demi menyelamatkan dirinya yang terancam seperti diugut mahu bunuh.

Firman ALLAH SWT: “Sesiapa yang kufur kepada ALLAH sesudah dia beriman (maka baginya kemurkaan dan azab dari ALLAH) kecuali orang yang dipaksa (melakukan kufur) sedang hatinya tenang tenteram dengan iman.” (Surah al-Nahl, ayat 106)

Satu lagi situasi adalah bagi orang yang sakit dan bermusafir. Mereka diharuskan baginya berbuka puasa pada bulan Ramadan sekiranya berpuasa boleh mendatangkan kemudaratkan ke atas dirinya.

Firman ALLAH SWT: “Maka sesiapa di antara kamu yang sakit atau bermusafir, (bolehlah dia berbuka), kemudian wajiblah baginya berpuasa sebanyak (hari yang dibuka) itu pada hari-hari yang lain.” (Surah al-Baqarah, ayat 184)

Ayat itu menunjukkan keharusan kepada seseorang Muslim meninggalkan sesuatu yang wajib ke atasnya demi memelihara nyawa dan mengelakkan berlakunya kemudaratkan.

Tidak menyusahkan

Sesungguhnya, syariat Islam itu bersifat dinamik dan sesuai diamalkan pada semua tempat, masa dan situasi. Pada masa sama, Islam sangat menjaga dan menitikberatkan maslahat (kebajikan) manusia.

Dengan kata lain, ajaran Islam jauh daripada sifat menyusahkan dan memudaratkan penganutnya mahupun kehidupan manusia sejagat.

Firman ALLAH SWT: “Dan DIA tidak menjadikan kamu menanggung sesuatu keberatan dan susah payah dalam perkara agama.” (Surah al-Haji, ayat 78)

Dalam situasi ujian pandemik Covid-19, beberapa pertimbangan perlu diambil kira dalam menetapkan sesuatu hukum. Antaranya adalah kaedah *ad-dharar yuzal* iaitu kemudaratkan perlu dihilangkan, *ad-dharurat tubihul mahzurat* (kemudaratkan boleh mengharuskan perkara yang dilarang) dan juga *al-masyaaqqah tajlibu al-taisir* (kesukaran membawa kepada kemudahan).

Para ulama telah menetapkan bahawa



TAATILAH segala perintah ALLAH SWT dan patuh kepada keputusan *ulil amri* atau pemerintah dalam semua perkara yang bertepatan dengan hukum syarak demi menjaga kemaslahatan bersama.

ketakutan dan sakit adalah kezuran yang mengharuskan untuk meninggalkan kewajipan solat fardu Jumaat.

Diriwayatkan daripada Ibn Abbas RA bahawa Nabi Muhammad SAW bersabda: “Sesiapa yang mendengar seruan (azan Jumaat) sedangkan tiada sebarang kezuran yang menghalangnya daripada mengikutinya (datang ke tempat solat Jumaat). Mereka bertanya: apakah kezuran itu? Nabi Muhammad SAW menjawab: Takut atau sakit, maka tidak akan diterima daripadanya solat yang dia lakukan.” (Riwayat Abu Daud)

Oleh itu, takut atau bimbang merebaknya wabak Covid-19 melalui perhimpunan orang ramai merupakan kezuran yang diterima oleh syarak untuk mengharuskan solat fardu Jumaat dan juga solat fardu lima waktu di masjid. Ia ditangguhkan buat sementara waktu di seluruh negara.

Berdasarkan perkembangan semasa, pandemik Covid-19 dipantau secara berterusan oleh pakar-pakar kesihatan kerana masih belum ada penawarnya. Pasti pihak *ulil amri* (pemerintah) ingin memastikan umat Islam dan institusi agama Islam khususnya tidak terdedah kepada risiko kemudaratkan.

Ia bertepatan dengan kaedah fiqh iaitu **menolak kerosakan lebih diutamakan daripada mengambil kebaikan.**

Siyasah syaria yang melibatkan polisi, peraturan dan undang-undang syarak telah menetapkan bahawa keputusan pemerintah asasnya adalah maslahat kepada rakyat dan orang ramai.

Oleh itu, orang ramai hendaklah yakin dan akur dengan keputusan yang telah ditetapkan oleh *ulil amri*. Mentaatinya membawa kepada kebaikan dan mendapat ganjaran pahala, manakala mengingkarinya boleh mengundang kecelakaan dan kemudaratkan serta dikira berdosa.

Dengan ini, dapat disimpulkan beberapa pengajaran dan betapa syarak itu menjaga maslahat kehidupan orang Islam khususnya dan manusia sejagat amnya. Antaranya:

- 1** Umat Islam wajib mentaati segala perintah ALLAH dan menjauhi larangannya sebagai bukti keimanan.
- 2** Umat Islam wajib patuh kepada keputusan *ulil amri* dalam semua perkara yang bertepatan dengan hukum syarak.
- 3** Umat Islam hendaklah sentiasa bermunajat, berdoa dan bergantung harap hanya kepada ALLAH dalam keadaan aman dan terutamanya dalam keadaan sukar agar wabak Covid-19 segera diangkat dari muka bumi ini.
- 4** Manusia hanya mampu berusaha namun ketentuannya adalah milik mutlak ALLAH sebagaimana dalam firman-NYA: “Dan jika ALLAH menimpakan (mengenakan) engkau dengan bahaya bencana, maka tidak ada sesiapa pun yang dapat menghapuskannya melainkan DIA sendiri dan jika DIA mengenakan (menimpakan) engkau dengan kebaikan, maka DIA adalah MAHA KUASA atas tiap-tiap sesuatu.” (Surah al-An'am, ayat 17)

Sumber: Majlis Agama Islam Selangor